

12 NOV 1998

Howard-Mahathir/I

HOWARD AKAN TEMU MAHATHIR BUKAN SEPERTI PEMIMPIN LAIN

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Australia John Howard berkata beliau akan mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur minggu depan dan tidak akan mengikut jejak beberapa pemimpin lain yang tidak mahu mengadakan pertemuan dua hala dengan Dr Mahathir.

Howard yang akan berada di sini kerana menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) berkata, hubungan mesra antara Australia dan Malaysia lebih penting daripada sebarang tindakan pemulauan berhubung penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau memberitahu Parlimen yang Australia tidak akan mengikut jejak beberapa negara yang bukan sebahagian daripada rantau ini.

"Saya rasa adalah sangat penting dalam keadaan seperti ini, memandangkan pentingnya hubungan dua hala serta hakikat yang kita sebahagian daripada rantau ini, kita tidak mahu mengikut jejak negara lain yang bukan sebahagian rantau ini," katanya.

"Jika anda bimbang dengan apa yang berlaku dalam sesebuah negara, anda perlu bersemuka dengan kerajaan negara itu dan menyatakan kebimbangan anda.

"Saya akan berbincang secara terbuka dan secara konstruktif dengan Perdana Menteri Malaysia," kata Howard, yang merupakan antara beberapa pemimpin awal untuk menyatakan kebimbangannya terhadap penahanan Anwar September lepas.

Sementara itu Howard juga membangkitkan kebimbangan terhadap pendirian Jepun untuk menunda satu perjanjian penting APEC yang akan mempercepatkan perdagangan bebas dalam 15 sektor utama dan membantu melicinkan 40 peratus daripada perdagangan serantau.

Jepun enggan memansuhkan halangan perdagangan bagi industri perhutanan dan perikanannya dan di sebaliknya sedia menawarkan bantuan berjumlah AS\$300 kepada ekonomi-ekonomi Asia yang menghadapi krisis jika mereka menyokong pendirian Jepun di Kuala Lumpur.

Pegawai-pegawai Australia berkata, pendirian Jepun itu boleh menjejaskan keseluruhan agenda perdagangan bebas APEC dan akan menghantar isyarat yang salah ke seluruh dunia akan masa depan halangan perdagangan.

Menteri Perdagangan Australia Tim Fischer, yang berlepas ke Kuala Lumpur semalam berkata, beliau kecewa dengan pendirian Jepun.

"Saya terkejut dengan pendekatan Jepun ... dalam persiapan ke mesyuarat di Kuala Lumpur," katanya.

"Saya rasa ancaman terhadap perdagangan di seluruh dunia nampak benar sangat. Saya rasa ia akan membawa kepada kemusnahan. Ia hanya akan melanjutkan masalah ekonomi yang dihadapi banyak negara di dunia pada masa ini," kata Fischer lagi.

-- BERNAMA

NDC RN PR